

Perak terima pelaburan RM1b

Keluarkan produk teknologi tinggi

Oleh Nurhayati Abllah

bhbiz@bharian.com.my

PERAK menerima pelaburan berjumlah kira-kira RM1 bilion daripada dua usaha sama dua syarikat tempatan dengan sembilan syarikat dari Korea Selatan bagi mengeluarkan produk berteknologi tinggi di negeri itu.

Dua syarikat tempatan itu Virtual Bridge Sdn Bhd (Virtual Brigde) dan Perak Multimedia Dotcom Sdn Bhd (Perak Multimedia).

Syarikat Korea Selatan itu pula ialah iaitu Gentro Tech, Hex Power System, Gentro Energy Group, Wooli High-tech, Sung Kwang E&C, Natural Energy Development, Inter Bio E&C, Nam Junsa dan Kye Lim Co Ltd.

Pengerusi Eksekutif Virtual Bridge, Nur Mohd Ezan Taib, berkata kerjasama antara syarikat tempatan dengan Korea Selatan itu adalah berasaskan perkong-



Nur Mohd Ezan Taib

sian pelaburan 70:30 yang akan dibayai menerusi dana pelaburan ekuiti antarabangsa.

"Ia antara lain adalah untuk pengeluaran peralatan telekomunikasi, tenaga solar, produk bioteknologi, bahan binaan serta produk teknologi komunikasi maklumat (ICT) bagi pasaran tempatan dan eksport," katanya kepada media selepas majlis memeterai perjanjian kerjasama antara Virtual Bridge dan

Perak Multimedia dengan sembilan syarikat Korea Selatan itu di Ipoh, semalam.

Nur Mohd Ezan berkata, semua syarikat yang bekerjasama itu bakal membina fasa pertama Pusat Teknologi Malaysia-Korea (MKTC) melalui Jalinan Usa-hasama Perindustrian Kecil dan Sederhana Berteknologi Tinggi Malaysia-Korea Selatan yang berpusat di Ipoh.

Beliau berkata, bagi memastikan keberkesanan infrastruktur teknologi maklumat bertaraf global di MKTC, syarikatnya melantik Mesiniaga Bhd, iaitu syarikat tempatan yang mempunyai kepakaran dalam bidang ICT.

Katanya, semua kilang itu dijadual mula beroperasi di MKTC pada hujung 2012.

"Syarikat berkenaan berfungsi menyediakan kemudahan terkini bersesuaian dengan keperluan kilang berteknologi tinggi Korea," katanya.